

MENCAPAI KETINGGIAN DUNIA AKHIRAT

KEPENTINGAN PERANGAI YANG MULIA DALAM AGAMA ISLAM

Ahli-ahli fikiran telah berkata dan bersetuju sekalian mengatakan bahawa sifat-sifat perangai yang mulia atau “kemuliaan perangai, itu sangat-sangatlah” wajib dan mustahaknya dalam kehidupan tiap-tiap seorang dan tiap-tiap bangsa. Di sini marilah kita periksa benarnya perkataan ini dari pihak agama Islam.

OLEH ZA'BA (IV)

Menurut suatu hadith yang masyhur diriwayatkan orang bahawa sifat-sifat makarimul akhlak atau kemuliaan perangai itu ialah tujuan yang tunggal hendak disempurnakan dengan dibangkitkan Nabi kita Muhammad SAW membawa agama Islam kepada dunia. Hadith ini diberi oleh Iman Ahmad Ibnu Hanbal dalam musannad iaitu diriwayatkan bahawa Nabi SAW telah bersabda (*Innama Bilahu Li'utamima Makarimin illa Akhlaq*) ertinya “bahawasanya saya hanya telah dibangkitkan jadi Rasul diutuskan kepada manusia kerana tujuan supaya menyempurnakan sifat-sifat kemuliaan perangai jua” jadi daripada perkataan ini nyata dengan terangnya bahawa keperangaian yang mulia itu sangat-sangatlah pentingnya pada pandangan agama Islam. Betapa tidak? Kerana dengan sifat-sifat keperangaian yang mulia itulah sahaja boleh didapati kejayaan dunia akhirat dengan sempurnanya – iaitu sifat-sifat kemuliaan perangai dengan makna yang seluas-luasnya serta termasuk di dalamnya segala amalan yang baik yang terzahir daripadanya.

Segala suruhan dan larangan dalam agama Islam mulai dari mengesakan Tuhan dan menerima kerasulan Nabi Muhammad SAW seperti yang ditegaskan dalam dua kalimah syahadah lalu kepada amalan menunaikan sembahyang, puasa, zakat, haji, hingga kepada segala suruhan berbuat baik dan larangan jangan berbuat jahat, dan sekalian yang terkandung dalam tiap-tiap suruh dan larangan itu bagaimana yang sedia terbentang

di dalam Quran dan tercontoh dalam sunnah dan kehidupan Nabi kita SAW - sekaliannya itu ialah tujuannya tiada lain melainkan bagi membaiki laku perangai manusia jua. Supaya mereka mendapat kemenangan dan kejayaan, kemuliaan dan ketinggian, dalam kehidupan di akhirat berturut daripada kejayaan dan kemenangan dalam kehidupan dunia ini, maka dalam segala suruhan berbuat baik dan larangan jangan berbuat jahat itu, tetaplh termasuk segala jenis sifat perangai yang mulia-mulia beratus-ratus macam yang dikehendaki manusia bersifat dengan dia, dan segala jenis sifat perangai yang keji, salah, rendah dan hina beratus-beratus macam pula yang dikehendaki manusia menjauhi daripadanya.


Jadinya dari sini dapatlah kita fahamkan mengapa Nabi kita SAW berkata bahawa ia telah diutuskan jadi Rasul kepada kita sekalian semata-mata dengan tujuan bagi membaiki atau menyempurnakan sifat-sifat kemuliaan perangai manusia. Sifat-sifat perangai yang mulia itu boleh jadi sempurna atau cukup baik pada diri tiap-tiap seorang dengan jalan mengikut segala ajaran dan suruh larangan yang telah dibawakan oleh Rasulullah itu jika mengikutnya itu betul-betul serta tetap dan bersungguh-sungguh. Tiap-tiap satu daripada ajaran yang telah dibawakannya kepada kita itu ada tujuan disebaliknya bagi membaiki satu atau lebih sifat-sifat keperangaian pada diri manusia maka apabila terhimpun semuanya ajaran-ajaran itu tiap-tiap satunya diikuti betul-betul, nescaya jumlah sifat-sifat perangai manusia yang mengikutnya itu pun kesemuanya

sekali tentu akan jadi sempurna
bersama-sama dan apabila sudah baik sifat-sifat
perangai itu sekaliannya, nescaya selamat
sempurnalah pula kehidupan orang yang bersifat
dengannya itu di dunia ini dan di akhirat kelak:
kerana kejayaan di akhirat itu hanyalah
tergantung kepada tingkah laku perangai
dan sifat kelakuan hidup dan beramal
masa di dunia ini jua. Firman Tuhan

*(Man a'amala solihan minn zakarin au untha wahuwa
ukminun falanuhyiyannahu hayatan thoiyibatun walanzijannahum
ajrahum bihsani ma kaamu ya'malun:*

Surah An- Nahl 97) ertinya “Barangsiapa
tetap berbuat amal yang baik sama ada ia
daripada laki-laki atau perempuan pada hal ia
beriman dengan yakin dan ikhlas nescaya
tentu sekali kami beri akan dia hidup
dengan kehidupan yang bagus; dan tentu sekali akan,
kami beri mereka itu balasan mereka mengikut apa yang
sebaik-baiknya telah mereka kerjakan.”

Sebagai contoh bolehlah diambil misalnya ajaran yang
awal pertama sekali dalam rukun Islam yang lima itu
iaitu ajaran Tauhid atau suruh mengEsakan Tuhan dan
jangan disekutukan barang sesuatu jua dengannya, serta
ajaran suruh mengaku dan menerima bahawa Nabi Muhammad
itu hanyalah utusan Allah sahaja bukan ia Tuhan dan
jangan dipertuhani dia atau dikira akan dia seperti
Tuhan. Sesungguhnya ajaran ini jika diikuti dengan
sepenuhnya maka ia akan menggalakkan manusia berperasaan
bahawa Allah taala sahaja yang lebih besar daripada dirinya dan
daripada sekaliannya. Adapun sekalian yang lain daripada Allah
Taala semua sama seperti dirinya (manusia) juga, dan
setengahnya pula kurang atau terkebawah daripada dirinya baik
hantu, syaitan, polong, pelesit, puntianak, penanggalan, jin



*Sahib Al-Fadhilah Ayatollah Al-Uzma, al-Haj Syeikh Muhammad Hussain Iraq Ulama
Syiah (yang berserban putih) beserta beberapa ulama lain sedang ziarah dimakam
Maulana Syabir Ahmad Uthmani di Karachi. Kedatangannya di sana kerana hadir dalam
Muktamar Ulama yang diadakan pada pertengahan bulan Februari 1952.*

keramat, matahari, bulan, bintang, lautan, gunung,
harimau, gajah dan lain-lain makhluk Tuhan maka dengan
perasaan demikian tidaklah ia tertakut-takut tersembah-sembah kepada
hantu puaka itu dan ini, atau hantu penunggu lautan
dan gunung, atau kepada semangat guruh, kilat, petir, halilintar,
pelangi, atau kepada kubur-kubur keramat dan “makam” wali-wali
dan sebagainya. Ia sedar bahawa dirinya itu manusia, dan
segala makhluk yang lain daripada manusia kalau tidak
terkebawah darjat daripadanya sekurang-kurangnya sama darjat dengan
dirinya, dan semuanya telah dijadikan Tuhan bagi
faedahnya. Bahkan sehinggakan Malaikat pun disuruh Allah
Taala sujud kepada Adam, iaitu menunjukkan Malaikat itu
terkebawah darjatnya daripada darjat manusia yang sempurna;
dan sehinggakan Nabi kita Muhammad SAW pun tiada boleh
dipertuhani melainkan hendaklah dikira dia itu utusannya
tuhan sahaja iaitu manusia seperti kita juga, sekadarkan
bezanya hanya ia telah dikurniakan Tuhan wahyu bagi membawakan akan

agama Islam.

Firman Allah Taala (*walaqod karramma bani adam.... Wafaddholna hum ala kathirim mimman kholoqna tafelhila*: Surah Al-Isra' 70) ertinya “dan telah kami muliakan segala anak Adam (manusia).....” “dan telah kami lebihkan mereka itu dengan kelebihan-kelebihan yang khas daripada beberapa banyak makhluk yang telah kami jadikan.” Dan lagi firmannya (*huwallazi kholoqo lakum mafi ardi jami'a*: Al-Baqarah 29) ertinya “dialah Tuhan yang telah menjadikan bagi pergunaan kamu apa-apa yang di bumi ini sekaliannya.” Dan firmannya lagi (*wasakharalakum mafi as-samawati wama fi al-ardi jamiin minhu*: Al-Jatsiyah 13) ertinya “dan telah diperhambakannya kepada kamu (manusia) segala apa yang ada di langit dan segala apa yang di bumi sekaliannya sebagai kurniaan daripadanya.” ... maka dengan demikian manusia menjadi tergalak dan berani menyiasat akan rahsia-rahsia tabiat kejadian di dalam alam ini, tidak tertakut-takut akan puaknya atau penunggunya- hingga didapatinya rahsia elektrik, radio, radar, kekuasaan wap, kekuasaan tenaga atom, dan hingga ia boleh terbang di udara dan sekarang telah berkira-kira dan berkhintar hendak terbang ke bulan dan bintang-bintang yang lain pula dan yang lain-lain lagi. Tetapi jika manusia tidak percayakan lebihkan dirinya dengan perasaan yang berpegang bahawa Tuhan sahaja yang lebih daripada sekaliannya tiada lain lagi, nescaya ia sangat mudah hendak tunduk dan mengaku kalah. Apa-apa sahaja kejadian dalam alam ini asalkan besar dan hebat dan ajaib maka takutlah sahaja ia dan kadang-kadang lalu dipertuhannya! Jadi bila pula hendak menyiasat rahsia-rahsianya jika benda-benda itu disembah dan ditakuti sahaja sentiasa?

Ajaran rukun Islam yang kedua pula iaitu suruh mendirikan sembahyang jika diikuti dengan sempurna maka faedahnya ialah menjadikan kita selalu ingat kepada Allah dan dengan demikian akan memelihara kita daripada tercebur berbuat kelakuan yang keji, cemar dan jahat. Firman Allah Taala (*waaqimussolata inna solata tanha 'amil fahsya'i wamungkar walazikrullahu akbar*: Al-Ankabut 45) ertinya

“dan kerjakanlah sembahyang dengan tetap: Bahawasanya sembahyang itu menahan daripada perbuatan-perbuatan yang cemar dan jahat, dan ingatlah akan Allah itu tentu sekali terbesar daripada sekalian perkara.” Ada pun jika seorang tetap sembahyang tunggang tonggek tetapi tiada juga terpelihara daripada membuat hal-hal yang keji dan memberi malu atau daripada mengata-ngata dan mengumpat-ngumpat orang umpamanya, maka itulah menunjukkan sembahyangnya itu tiada berguna, tak terpakai, tak lalu, kerana tak betul hatinya.

Rukun Islam yang ketiga pula iaitu puasa satu daripada tujuannya ialah (*laallakum tattaqun*: Al-Baqarah 183) ertinya: “supaya mudah mudahan kamu takut akan Allah yakni menjaga segala kewajipanmu kepada Allah” maka demikian pula zakat dan demikian pula haji, tiap-tiap satu itu ada tujuannya bagi memperbaiki dan menyempurnakan sifat-sifat kemuliaan perandai pada manusia, dan memperbaiki masyarakat demikian juga segala suruh larangan yang lain-lain lagi dalam agama Islam itu. Di sini tidaklah dipanjangkan lagi kerana kita telah menyimpang jauh daripada pokok yang asal. Hanya memada diingat bahawa tentang rukun-rukun Islam yang lima itu bolehlah diperhati iaitu semuanya perkara perbuatan atau kata orang Belanda “*fanatic*” belaka, bukan cakap sahaja tetapi disuruh buat dan dikerjakan; itulah sebab dikatakan dia boleh memperbaiki sifat-sifat keperangaian manusia jika dibuat dan disempurnakan dengan sebenar-benarnya.

Di sini kita kembali ke pokok perbahasan selaras dengan perkataan Nabi SAW yang tersebut tadi itu kita dapati pula pengakuan Allah Taala dalam Quran mengaku akan tingginya sifat akhlak atau keperangaian junjungan kita SAW itu, iaitu firmannya (*waimaka la'ala kholoqo azim*: Surah Al-Qalam ayat 4) ertinya “bahawa sesungguhnya engkau, hai Muhammad, tentu sekali bersifat dengan sifat-sifat keperangai yang maha besar” kemudian kita dapati pula perkataan Siti Aisyah isteri Nabi SAW tatkala ditanya orang setelah wafat Rasulullah bagaimanakah rupa sifat-sifat perandai Rasulullah itu pada pendapatannya? Maka jawabnya (*kana kholoquhu qur'ana*) ertinya “akhlak Rasulullah itu tiada lain melainkan

Quran itulah sendiri.”

Maka nyatalah ketiga-tiga perkataan ini iaitu akuan Tuhan dan sabda Nabi tadi serta perkataan Aisyah ini pula sokong mengokong antara satu dengan lainnya: Tuhan mengaku bahawa nabinya memang cukup sempurna sifat-sifat akhlakunya; demikian pula perkataan Siti Aisyah itu; dan nabi sendiri pula berkata bahawa kedatangannya disuruh membawa agama Islam itu hanya dengan tujuan supaya menyempurnakan akhlak manusia jua. Maka perkataan Tuhan “*khuluqun azim*” dalam ayat Quran itu tak dapat tidak tentulah meliputi di dalam kandungan maksudnya makna “*makarimul al-akhlak*” yang tersebut dalam hadith tadi itu.

Nabi kita telah dibangkitkan jadi utusan Tuhan kepada kita sekalian, bahkan kepada dunia seumumnya bukanlah sahaja supaya menyeru dan menyampaikan segala ajaran-ajaran Islam yang dibawanya itu tetapi juga supaya mencontohkan segala ajaran itu dalam kehidupannya sendiri dan dalam segala perkataannya dan perbuatannya daripada mula-mula ia diangkat jadi Rasul sehingga sampai kepada masa wafatnya, maka pada beberapa perkara pula seperti perangai benar dan amanah kepercayaan, dan kebersihan daripada zina dan lain-lain tingkah laku yang cemar, ia telah menunjukkan tauladannya mulai dari masa mudanya pun juga tatkala sebelum ia mendapat panggilan jadi Rasul lagi. Kemudian apabila ia wafat ditinggalkannya pula bagi kita dua pusaka yang terbesar iaitu kitab Quran dan sunnah perjalanannya akan jadi ikutan dan pedoman kita iaitu sebagai mengekalkan segala ajaran dan contoh tauladan yang telah ditunjukkannya tatkala ada hayatnya lagi itu, sabdanya (*inni taraktu fukum isnaini ann tamassaktum bihimaa falan tadhillu ba'da: kitabullah wasunnati rasulih*) ertinya “bahawasanya saya tinggalkan pada kamu semua dua barang jika kamu berpegang kukuh pada keduanya itu nescaya kamu tidak akan susah sekali-kali kemudian daripada saya sudah tiada kelak: iaitu kitabullah (Quran) dan sunnah perjalanannya Rasulullah.”

Berkenaan dengan contoh tauladan pada diri Rasulullah itu

Tuhan berfirman (*laqad kaana lakum fi rasulullahu uswatun hasana liman kaana yarju allahi wa al-yauma al-akhirah waazakarallahu kathira: Al-Ahzab 21*) ertinya tentu sekali ada pada Rasulullah contoh tauladan yang baik bagi kamu meneladaninya—bagi siapa-siapa kamu yang berharap akan Allah Taala dan kejayaan hari kemudian dan bayak mengingati Allah.” Maka sungguhpun di sini disebut “hari kemudian” sahaja yakni kehidupan di akhirat kemudian daripada mati, tetapi tiada syak sekali-kali bahawa kehidupan di dunia pun tak dapat tidak ada sama terkandung di situ; kerana tiap-tiap yang “kemudian” itu tentulah ada yang “dahulu” daripadanya dengan tak payah disebut lagi. Kehidupan di akhirat itu ialah buah daripada kehidupan di dunia ini, dan kehidupan di dunia inilah tempat bertanam pokok-pokoknya seperti yang tersebut dalam suatu hadith pula (*addunnia mazraul al-akhirah*) ertinya “dunia itu ialah tempat perhumaan bagi akhirat.” Pendeknya tiada ada kehidupan akhirat bagi seseorang jika ia tidak ada hidup di dunia lebih dahulu. Maka perkara yang mendapatkan kejayaan di akhirat itu ialah juga perkara yang boleh mendapatkan kejayaan di dunia iaitu amal yang baik dan makarimul akhlak yang dilakukan dengan mengikut dan menuladani contoh Nabi SAW pada segala-galanya dalam makna mengikut dan menauladan yang seluas-luasnya jika seseorang dengan sebab mengikut dan meneladani Nabi itu dapat jaya dan menang dalam kehidupan di akhirat maka tetaplah ia dengan sebab itu juga telah telah dapat kejayaan dan kemenangan dalam kehidupan di dunianya: Tetapi jika ia tiada jaya dan tiada menang dalam kehidupan akhiratnya maka itulah ertinya ia telah tiada mengindahkan ajaran dan tauladan Nabi SAW dalam dunia ini. Yang demikian kehidupan dunianya pun tentulah tiada berjaya juga dengan kejayaan yang sebenar-benarnya mulia. Bahkan barangkali kucar kacir dan porak poranda!

Keputusan ini dapat difahamkan daripada suatu ayat lain dalam Qur'an (*waman kaana fi hazihi a'amaa fahua fi al-akhirah a'ama waadollu sabiila: Surah Al-Isra' 73*) ertinya “barangsiapa keadaannya buta dalam dunia ini maka dalam

akhirat pun ia buta juga, dan lebih susah lagi jalannya meraba-raba. Hanya “buta” yang dimaksudkan di sini bukanlah buta mata pada jasad jasmani ini. Tetapi ialah buta hati daripada mengenal kebenaran- iaitu dipakai perkataan “buta” itu dengan cara istisyarat atau bahasa kiasan.

Jadinya sekarang boleh kita mengambil kesimpulan daripada apa yang telah dihuraikan ini: (1) Nabi berkata ia telah diutuskan kepada kita hanyalah kerana hendak menyempurnakan makarimul akhlak manusia dalam dunia, (2) Tuhan berkata Nabinya Muhammad SAW itu memang bersifat dengan sifat-sifat akhlak yang Maha Besar; (3) Tuhan juga berkata bahawa pada Nabi SAW itu ada tauladan yang baik bagi kita. Maka daripada tiga perkara ini teranglah yang kita telah diberi cukup peluang dalam agama Islam bagi memperbaiki keperangai atau akhlak kita dengan ajaran dan tauladan daripada Nabi SAW maka hanya di atas kitalah sahaja tertanggungnya mesti mengikut ajaran-ajaran itu dan menuladani cara-caranya daripada contoh-contoh tauladan yang didapati pada diri Rasulullah itu.

Kita sentiasa disuruh mengikut serba serbinya segala ajaran yang telah dibawakan oleh Rasulullah itu daripada tiap-tiap suruhan dan larangan Tuhan yang telah diterimanya. Firman Tuhan (*wama aatakum ar-rasul fakhuzuhu wama nahakum amhu fantahu*: surah A-Hash ayat 7) ertinya “barang apa ajaran yang dibawakan oleh Rasulullah itu terimalah oleh kamu, dan barang apa yang dilarangnya kamu berbuat berhentilah kamu daripada membuatnya: “dan (*fuuminu billahi warasulih an-nabii ummie allazi yukminu billahi wakalimatih watabiuhu la’alukum tahtadum*: Surah Al-Araf ayat 108) ertinya “oleh itu berimanlah (percayalah) kamu akan Allah dan Rasulnya Nabi yang tiada tahu surah, yang beriman akan perkataan Allah: “ikutlah oleh kamu akan dia supaya mudah mudahan kamu dapat pertunjuk: “dan lagi satu (*kul inn kuntum tuhbiuuna aallaha fattabiuni yuhbibkumu Allah*: Surah al-Imran 31) ertinya “katakanlah oleh mu (kepada Orang-orang itu) Hai Muhammad: Jikalau kamu kasih akan Allah

maka ikutlah aku nescaya Allah pun kelak kasih kepada kamu...” maka oleh sebab Rasulullah itu telah dikatakan oleh Tuhan jadi contoh tauladan pula kepada kita, hendaklah kita mengikut ajaran-ajarannya itu dengan menauladan bagaimana cara-cara yang ditunjukkannya dalam kehidupannya sendiri, bukan mengikut siapa-siapa orang lain walau keramat besar atau imam-imam mujtahidin sekalipun.

Di antara perkara-perkara yang hendak ditauladani daripada contoh Rasulullah itu satu daripadanya yang sangat-sangat mustahak dan penting sekali ialah tentang akhlak perangnya yang maha besar dan tinggi itu jua. Akan tetapi apabila dikata “akhlaknya” itu haruslah boleh dikira termasuk di dalam sekalian yang lain juga; kerana yang dikata dalam Quran “*khuluqan azim*” itu tentulah meliputi segala sifat-sifat keperangaian yang mulia tinggi seperti kuat iman, yakin, amanah, kepercayaan, taat beribadah, setia kepada tuhan, kuat beramal dan berusaha, menjalankan sepenuh-penuh tenaga bagi menjalankan kerja dan kewajipan, tawakal, benar, berani, adil, pengasih, penyayang, pengasih, sabar menentang kepayahan, dan beratus-ratus sifat kemuliaan perangai yang lain-lain lagi.

(bersambung dengan bahagian 2)

* * * * *

- PERHATIAN -

Di dalam majalah Qalam bilangan 18 di bawah tajuk “Mencapai Ketinggian Dunia Akhirat” muka 4 ada menyebut suatu syair seorang American – Syair itu hendaklah dibaca begini:

“The height which great men reached and kept
Was not attained by sudden flight,
But they, while their companions slept,
Were toiling upwards in the night.”

Dan pada muka 6 syair itu bunyinya begini:

Lives of great men all remind us,
That we can make our lives sublime:
And departing, leave behind us
Footprints on the sands of Time.

Dengan ini harap mendapat perhatian pembaca-pembaca.